

BUDAYA PERAYAAN HAUL KE-546 SUNAN AMPEL DAN KESANNYA TERHADAP SOSIO-BUDAYA KOMUNITI ISLAM SURABAYA

Muhammad Syakur Ahmad ^a, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh ^{a*}, Muhammad Hafiz Rosli ^a, Paiz Hassan ^a, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin ^a, Muhd Imran Abd Razak ^a & Rahimin Affandi Abd. Rahim ^b

^aAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. yusri613@uitm.edu.my

^bJabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur

*Corresponding Author

Article info

Received:
31/07/2023
Received in revised form:
30/08/2023
Accepted:
01/09/2023
Available online:
01/09/2023

Keywords:

Haul; Sunan Ampel;
Sosiobudaya; Surabaya;
Islam

DOI:

[10.24191/JIPSF/v5n22023_137-144](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_137-144)

Abstrak

Peringatan kematian Sunan Ampel, atau lebih dikenali sebagai "Haul Sunan Ampel," merupakan satu perayaan penting bagi penduduk Surabaya dan sekitarnya. Acara ini biasanya diadakan setiap tahun pada bulan Syawal dan menarik ribuan orang untuk datang dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti, seperti solat berjemaah, membaca doa, pameran, dan persembahan seni. Selain menjadi peristiwa beragama, Haul Sunan Ampel juga memberi impak besar kepada sosio-budaya masyarakat Surabaya. Artikel ini membincangkan festival Haul Sunan Ampel dan kesan terhadap sosio-budaya Surabaya. Pengarang menggunakan pendekatan deskriptif-analitik dalam menganalisis data dan maklumat yang diperolehi daripada sumber yang berkaitan. Penulisan ini memfokuskan kajian literatur terhadap literatur sedia ada daripada jurnal-jurnal elektronik dan buku. Kajian lapangan yang berasaskan metode temubual juga dilaksanakan terhadap 3 informan. Selain itu, pemerhatian juga dilaksanakan sepanjang tempoh perayaan tersebut. Data kualitatif yang dikumpulkan akan dianalisis kandungannya secara tematik bagi merumuskan hasil kajian. Hasil analisis menunjukkan bahawa Perayaan Haul Sunan Ampel telah memberikan sumbangan besar kepada masyarakat Surabaya, terutamanya dalam mempertingkatkan aktiviti ibadah masyarakat setempat, memperkukuh budaya tempatan, memupuk semangat perpaduan dan meningkatkan integriti dalam kalangan komuniti beragama Islam. Selain itu, penganjuran perayaan Haul Sunan Ampel merangsang aktiviti pelancongan dan merangsang ekonomi tempatan. Walau bagaimanapun, perayaan Haul Sunan Ampel juga menyebabkan beberapa masalah seperti kesesakan lalu lintas, peningkatan jenayah, pencemaran, dan kerosakan alam sekitar. Oleh itu, perlu ada usaha kerjasama dari pelbagai pihak untuk mengurangkan kesan negatif ini dan memaksimumkan manfaat positif perayaan Haul Sunan Ampel bagi penduduk Surabaya.

THE CULTURE OF CELEBRATING THE 546TH ANNIVERSARY OF SUNAN AMPEL AND ITS IMPACT ON THE SOCIO-CULTURAL COMMUNITY OF ISLAM IN SURABAYA

Abstract

The commemoration of the death of Sunan Ampel, better known as "Haul Sunan Ampel," is an important celebration for the residents of Surabaya and its surrounding areas. This event is usually held annually during the month of Shawwal and attracts thousands of people to participate in various activities, such as communal prayers, recitations of prayers, exhibitions, and art performances. Besides being a religious event, Haul Sunan Ampel also has a significant impact on the socio-cultural life of Surabaya. This article discusses the Haul Sunan Ampel festival and its effects on the socio-cultural aspects of Surabaya. The author employs a descriptive-analytical approach in analyzing data and information obtained from relevant sources. This writing focused on literature research from electronic journals and books. Field research based on interview methods was also conducted with three informants. Additionally, observations were carried out throughout the duration of the celebration. Qualitative data collected will be thematically analyzed to formulate research findings. The results of the analysis indicate that the Haul Sunan Ampel celebration has made a significant contribution to the people of Surabaya, especially in enhancing the religious activities of the local community, strengthening local culture, fostering unity, and improving integrity within the Islamic community. Furthermore, the organization of the Haul Sunan Ampel celebration stimulates tourism activities and boosts the local economy. However, the Haul Sunan Ampel celebration also leads to several issues such as traffic congestion, an increase in crime, pollution, and environmental damage. Therefore, collaborative efforts from various parties are needed to reduce these negative impacts and maximize the positive benefits of the Haul Sunan Ampel celebration for the people of Surabaya.

Keywords: Sunan Ampel; Socio-culture; Surabaya; Islam

PENGENALAN

Sunan Ampel adalah seorang ulama Islam dari Kesultanan Demak, yang hidup pada abad ke-15 dan ke-16 di pulau Jawa, Indonesia (Silvia Eka Sari, 2021). Sunan Ampel juga dikenali sebagai Raden Rakhmat atau Muhammad Zainuddin Abdul Madjid. Beliau terkenal sebagai salah seorang daripada sembilan wali yang disegani dan diakui oleh umat Islam di Indonesia. Sunan Ampel mempunyai peranan penting dalam menyebarkan agama Islam di wilayah Jawa Timur khususnya di kota Surabaya. Beliau membina beberapa pondok pesantren di kawasan itu, yang kemudiannya menjadi pusat pengajian Islam di Jawa Timur. Sunan Ampel juga dikenali sebagai pengasas Masjid Agung Demak yang menjadi salah satu pusat keagamaan terpenting di Jawa ketika itu (Ana Ngationo, 2018). Selain sebagai ulama dan pendakwah, Sunan Ampel juga terkenal sebagai pejuang yang menentang penjajahan Portugis di Jawa Timur bersama beberapa wali songo melalui kerajaan Demak. Demak beberapa kali menyerang Melaka kerana penentangan terhadap dominasi Portugis (Krisna 2011). Beliau juga terkenal sebagai seorang sufi yang mengamalkan tarekat Qadiriyyah wa Naqshbandiyyah. Sumbangan Sunan Ampel sangat signifikan dengan perkembangan Islam sehingga hari wafatnya disambut sebagai perayaan agama dan budaya bagi masyarakat Surabaya khususnya dan masyarakat Indonesia Amnta (Rachmad, 2015; Tarwilah 2016).

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian kes sebagai pendekatan kajian. Penulisan ini menggunakan tiga instrumen kualitatif iaitu analisis dokumen, temubual dan pemerhatian. Analisis dokumen memfokuskan kajian literatur terhadap literatur sedia ada daripada jurnal-jurnal elektronik dan buku. Kajian lapangan yang berasaskan metode temubual juga dilaksanakan terhadap 3 informan. Selain itu, pemerhatian juga dilaksanakan sepanjang tempoh perayaan tersebut. Data kualitatif yang dikumpulkan akan dianalisis kandungannya secara tematik bagi merumuskan hasil kajian.

KAJIAN LITERATUR

Silvia Eka Sari & Hudaidah (2021), Rahmawati (2014), Zuliani Putri & Hudaidah (2021) menyatakan bahawa Pengasas Kesultanan Demak yang menjadi pusat penyebaran Islam pertama di Tanah Jawa merupakan anak murid kepada Sunan Ampel dan untuk tujuan dakwah Sunan Ampel mengahwinkan Raden Fatah dengan puterinya yang bernama Nyai Ageng Malaka. Nur Afidah (2021) & Umma Farida (2015) menyatakan bahawa Para Wali Songo di bawah pimpinan Sunan Ampel bersepakat untuk mengangkat Raden Fatah menjadi raja pertama di Demak dengan gelaran Senopati Jimbun Ngabdurrahman Panembahan Palembang Sayyidina Panatagama. Keseluruhan pentadbiran kerajaan Demak berasaskan Islam di bawah nasihat beberapa Wali Songo terutamanya Sunan Ampel.

BIOGRAFI SUNAN AMPEL

Nama Sunan Ampel, yang sebenar adalah Ali Rahmatullah. Ketika kanak-kanak, Sunan Ampel diberikan nama sebagai Raden Rahmat. Sunan Ampel lahir dari Champa sekitar tahun 1401M dan dikatakan meninggal dunia pada tahun 1467M. Waktu remajanya dihabiskan dengan mempelajari ilmu agama di Pasai. Dalam buku *Mengislamkan Tanah Jawa* yang ditulis oleh Widji Saksono (1995), Sunan Ampel dikatakan meninggal dunia pada tahun kira-kira 1467 masihi. Menurut cerita Babad Gresik, Sunan Ampel meninggal dunia ketika sedang sujud di masjid. Sunan Ampel adalah anak lelaki dari Syekh Ibrahim as-Samarkandi, seorang ulama asal Samarkand (Uzbekistan) yang awalnya berdakwah ke Kamboja. Akhirnya, Syekh Ibrahim bernikah dengan puteri kedua Raja Champa yang mempunyai dua orang anak, iaitu Sunan Ampel dan Raden Santri. Terdapat sedikit perbezaan pendapat tentang nama ayah Sunan Ampel, tetapi untuk memperkukuh salasilahnya, yang diketahui bahawa Sunan Ampel adalah anak kepada Ibrahim as-Asmarakandi. Menariknya, rantaian salasilah keturunan Sunan Ampel sampai kepada nasab Nabi Muhammad SAW (Dewi Evi Anita: 2014). Ini boleh digambarkan berdasarkan salasilah di bawah:



Rajah 1: Salasilah Keturunan Sunan Ampel

SUMBANGAN SUNAN AMPEL DALAM PENGEMBANGAN ISLAM

Dalam usaha menyebarkan Islam, Sunan Ampel menggunakan pendekatan budaya (Leur, 1955; Suryanegara, 1995). Beliau dikenali sebagai seorang ulama yang menerapkan Islam dengan cara berperingkat melalui teknik asimilasi prinsip Islam ke dalam budaya Masyarakat Jawa (Van Den Berg, 1959). Dalam dakwah yang diperkenalkan oleh Sunan Ampel, kita dapat lihat pengekalan unsur budaya yang tidak bercanggah dengan Islam manakala bagi budaya yang bertentangan dengan Islam diubah

secara bertahap (Efendy Zarkasi, 1977; Hatmansyah, 2015). Sunan Ampel dalam melaksanakan dakwah di Jawa, menggunakan metode yang disesuaikan dengan keadaan, diserap, bersifat pragmatis, dan mengambil metode bertahap (Agus Sunyoto, 2016).

Sunan Ampel membangunkan sebuah masjid yang dikenali dengan Masjid Ampel, yang kemudian menjadi pusat aktiviti dan pengembangan Islam di Surabaya. Masjid ini merupakan masjid tertua di Surabaya dan masih digunakan sehingga ke hari ini dan menjadi pusat keagamaan, sosial dan penjaan ekonomi setempat (Sendayu, 2018; Dimas et.al, 2022). Sunan Ampel juga memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam di wilayah Jawa Timur. Beliau memimpin pengajian agama yang akhirnya banyak masyarakat memeluk Islam dengan metodologi dakwah persuasif yang diperkenalkannya (Putrie et. All, 2017; Asep Saifullah, 2013). Sunan Ampel dikenal sebagai salah satu tokoh utama dalam penyebaran tarekat Qadiriyah Wa Naqsyabandiyah di Indonesia. Beliau memimpin banyak pengajian dan ceramah untuk menyebarkan ajaran tarekat ini kepada masyarakat. Beliau juga mengahajar masyarakat kaedah suluk dari tarikat Naqsyabandiah (Awaludin, 2016).

Dalam menyebarkan Islam, Sunan Ampel menggunakan pendekatan perang saraf untuk mengubah nilai-nilai yang menjadi amalan masyarakat yang bertentangan dengan Islam. Ini dapat dilihat apabila Sunan Ampel mencipta satu bentuk falsafah bagi mengingatkan masyarakat tentang apa yang diharamkan oleh Islam. Falsafah ini sebatu dalam masyarakat dan diamalkan sehingga kini (Tarwilah, 2016):

“Hasil didikan Sunan Ampel yang terkenal adalah falsafah Mo Limo atau tidak melakukan lima hal tercela, iaitu:

- a. Moh Main atau tidak mau berjudi*
- b. Moh Ngombe atau tidak mau minum arah atau bermabuk-mabukan.*
- c. Moh Maling atau tidak mau mencuri*
- d. Moh Madat atau tidak mau mengisap candu, ganja dan lain-lain.*
- e. Moh Madon atau tidak mau berzina.”*

Bagi memastikan penyebaran dakwah dapat dilaksanakan secara berkesan dalam masyarakat Surabaya dan sekitarnya. Sunan Ampel merupakan tokoh pertama yang menciptakan Huruf Pegon atau tulisan Arab yang disesuaikan dengan laras bahasa Jawa. Dengan adanya huruf Pegon ini, beliau dapat menyalurkan ajaran-ajaran Islam kepada para muridnya. Hingga saat ini, Huruf Pegon masih digunakan sebagai bahan pelajaran agama Islam di kalangan pesantren. Ia juga masih dipelajari sehingga kini (Sultoni, 2016). Sunan Ampel juga memperkenalkan suatu model pendidikan Islam yang mengambil bentuk pendidikan biara dan asrama yang dipakai oleh pendeta dan biksu yang terdapat di Tanah Jawa dalam mengajar dan belajar sehingga mendapat tempat di hati masyarakat sekitar. Konsep pesantren ini merupakan penyambungan usaha lalu yang telah dirintis oleh Syeikh Maulana Malik Ibrahim (Hatmansyah, 2015; Ali Murtopo, 1971).

Sumbangan Sunan Ampel bukan sahaja dilihat daripada sudut pendidikan dan dakwah, bahkan boleh dilihat dari sudut politik di mana Sunan Ampel mendidik para penggerak dakwah Islam seperti Sunan Giri, Raden Patah, Raden Kusen, Sunan Bonang, dan Sunan Drajat melalui pesantren Ampeldenta. Dengan menikahkan kader dakwahnya dengan puteri penguasa bawahan Majapahit, Sunan Ampel membentuk keluarga muslim dalam jaringan kekerabatan yang menjadi duta dakwah Islam di berbagai daerah di Surabaya. Sunan Ampel sendiri menikahi puteri Arya Teja, Bupati Tuban, yang juga cucu Arya Lembu Sura Raja Surabaya yang telah memeluk Islam. Dakwah Sunan Ampel tidak hanya terbatas di Surabaya dan ibu kota Majapahit, bahkan tersebar ke daerah Sukadana di Kalimantan (Achmad Syafrizal, 2015). Bersamaan dengan kelemahan pentadbiran Raja Majapahit, perkembangan Islam di Jawa terus berkembang pesat. Peluang itu kemudian dimanfaatkan oleh para penguasa Islam di pesisir untuk membangun pusat-pusat kekuasaan yang terpisah dari kerajaan Majapahit dengan mengambil contoh Sunan Ampel sebagai teladan (Badri Yatim, 2011; Hatmansyah, 2015). Oleh karena itu, Sunan Ampel dikenal sebagai salah satu ulama besar di Indonesia, yang memberikan sumbangan penting dalam pengembangan agama Islam dan pembangunan masyarakat di wilayah Jawa Timur.

PERAYAAN HAUL SUNAN AMPEL YANG KE 546

Perayaan Haul Sunan Ampel yang 546 disambut pada 11 dan 12 Mac 2023. Ia berbentuk perayaan budaya dan keagamaan bagi Masyarakat setempat. Perayaan ini disambut saban tahun bagi memperingati tarikh pemergian Sunan Ampel. Perayaan haul ini dihoskan oleh jawatankuasa Masjid Agung Sunan Ampel, Surabaya. Perayaan haul ini mengandungi beberapa aktiviti yang melibatkan masyarakat setempat dan seluruh Indonesia. Perayaan Haul ini dimulakan dengan tahlil yang dilaksanakan oleh kaum wanita pada selepas maghrib diikuti dengan pengajian umum untuk wanita yang dilaksanakan pada selepas isyak. Pada hari kedua dilaksanakan Khataman al-Quran bil Ghaib iaitu majlis membaca dan menghafaz al-Quran tanpa melihat mushaf sejurus selepas subuh. Majlis ini dikendalikan oleh seorang penghafaz quran bermula dari juzuk 1 sehingga juzuk 30 secara bergilir mengikut juzuk. Jemaah yang ramai hadir, duduk dan menikmati bacaan quran secara hafazan yang sangat merdu. Majlis Khataman al-Quran bil Ghaib ini dilaksanakan di kompleks masjid lama Sunan Ampel untuk jemaah lelaki dan pelawat lelaki dan di kompleks masjid baru bagi jemaah dan pelawat wanita (Informan 1, 2023).

Acara seterusnya ialah kirab ialah perarakan berjalan kaki sekitar pesantren di Surabaya. Perarakan ini biasanya disertai oleh santri-santri daripada pesantren sekitar Surabaya dengan membuat formasi perarakan dan memainkan alat muzik tradisional seperti rebana dan kompang. Biasanya kirab ini dipimpin oleh para Habaib yang terkenal dalam masyarakat Surabaya. Dalam Kirab, ratusan peserta berarak dengan busana khusus seperti ulama' dan para habaib iaitu jubah ditambah dengan serban putih. Terdapat juga kumpulan perarakan yang memakai pakaian ala santri pesantren seperti kemeja dan kain sarung serta berkopiah putih dan hitam. Mereka juga membawa sepanduk yang bercorakkan keislaman serta bendera Indonesia dan bendera Nahdatul Ulama'. Kirab juga menunjukkan watak wali songo sebagai penyebar ajaran Islam di Nusantara termasuklah Sunan Ampel (Informan 2, 2023).

Setelah kirab selesai, Tahlil Akbar dilaksanakan iaitu pembacaan Yaasin secara beramai-ramai disertai dengan bacaan tahlil. Majlis Tahlil Akbar ini dipimpin oleh pemimpin agama terkenal seperti para habaib dan para kiyai. Hari kedua selepas isyak dijalankan Pengajian Umum yang dipimpin oleh Kiyai Haji Nur Hassanudin. Pengajian umum ini melibatkan ceramah berkaitan riwayat hidup Sunan Ampel dan sumbangannya pada penyebaran Islam di Nusantara. Hari ketiga diteruskan dengan Program Khitanan Massal iaitu program khatan beramai-ramai yang dijalankan di lokasi parkir sebelah barat makam Sunan Ampel. Program ini berlangsung sehingga proses khatan anak-anak sekitar Masjid Sunan Ampel selesai dikhatankan. Program Haul ini diakhiri dengan acara Pembacaan Selawat beramai-ramai pada sebelah malam usai solat Maghrib dan aktiviti hadrah isyari iaitu aktiviti berzanji dan marhaban dengan bersekali tarian. Setiap pergerakan dan alunan muziknya mengandungi makna cinta dan rasa rindu pada Rasulullah SAW dan pada insan yang telah meninggal dunia (Informan 1, 2023).

KESAN PERAYAAN HAUL YANG KE 546 SUNAN AMPEL TERHADAP SOSIOBUDAYA MASYARAKAT ISLAM DI SURABAYA

Perayaan haul Sunan Ampel yang diadakan setiap tahunnya di Surabaya, Jawa Timur, Indonesia memiliki pengaruh yang signifikan terhadap budaya masyarakat setempat. Antara kesannya ialah; pertama, kesan pada kesatuan Umat Islam di Surabaya dan pengukuhan doktrin Ahli Sunnah Wal Jamaah di Nusantara. Ini dapat dilihat dengan aktiviti yang disediakan sepanjang dua hari perayaan haul ini dilaksanakan. Perayaan haul ini mengukuhkan jaringan keislaman antara masyarakat sekitar dengan masyarakat Surabaya, bahkan seluruh masyarakat Islam di Indonesia dan Nusantara. Perayaan haul ini turut dihadiri oleh penziarah daripada seluruh Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura dan Thailand. Mereka turut serta dalam beberapa aktiviti yang bersifat selektif. Ia bersifat jaringan sosial yang hebat di hadiri oleh ribuan masyarakat nusantara. Selain itu, ia juga dihadiri oleh masyarakat yang bukan beragama Islam, ia sebagai satu bentuk dakwah bil-hal dan pengisian kerohanian yang baik serta melambangkan keindahan budaya Islam. Ia memperlihatkan tolenrasi masyarakat Islam dan bukan Islam yang hidup secara harmoni dan sentiasa menghargai perbezaan agama, nilai dan etika (Informan 1, 2023).

Kedua, kesan kepada kerohanian dan amalan masyarakat setempat. Kesan ini dapat dilihat daripada aktiviti-aktiviti yang disediakan ketika perayaan haul. Masyarakat didedahkan dengan program ibadah secara berterusan selama dua hari. Aktiviti menziarahi makam Sunan Ampel dan pembacaan tahlil dan Yaasin umpamanya mengingatkan pengunjung tentang dekatnya kematian dan pentingnya untuk melakukan amal ibadah dan kebaikan di dunia sebagai bekal untuk alam akhirat. Solat jemaah sepanjang program haul ini dihadiri oleh ribuan penziarah dan dilaksanakan dalam keadaan bersama melahirkan rasa kebersamaan dalam kalangan masyarakat yang berbeza bangsa dan status sosial. Pelaksanaan aktiviti Khatmul Quran bil Ghaib iaitu aktiviti Khatam Quran tanpa melihat mushaf dapat mendidik masyarakat mencintai Quran dan sentiasa membaca Quran dalam kehidupan seharian. Ia diselangseli dengan kemerduan suara para Qurra' yang terpilih bagi pelaksanaan program ini. Program ini juga dihadiri oleh para alim ulama' dan memberi tausiyah sebagai panduan untuk umat Islam beramal dengan amalan yang dituntut oleh Islam (Informan 2, 2023).

Perayaan Haul Sunan Ampel yang ke 546 ini juga memberi kesan pada kegiatan ekonomi setempat, terutama bagi sektor perniagaan dan perlancongan. Penjanaan ekonomi dapat dilihat dengan kewujudan aktiviti ekonomi yang melibatkan penjualan berbagai produk tempatan seperti minuman, makanan, perhiasan, buah-buahan, pakaian, buku, al-Quran dan cenderamata. Keadaan ini membuka peluang pekerjaan dan perniagaan pada masyarakat setempat (Edy Yusuf Nur, 2017). Selain acara ziarah ke makam Sunan Ampel, terdapat juga berbagai acara seni tradisional seperti pembacaan hadrah, tari-tarian sufi dan muzik tradisional yang menjadi daya tarik bagi pelancong domestik dan luar negara. Hal ini memberikan kesan positif pada industri perlancongan di Jawa Timur. Dengan meningkatnya jumlah kunjungan pelancong akan juga meningkatkan pendapatan sektor perniagaan dan perlancongan (Informan 3, 2023; Dimas et.al, 2022).

Oleh yang demikian, perayaan haul Sunan Ampel yang ke 546 ini memiliki kesan yang positif kepada sosiobudaya masyarakat setempat dalam meningkatkan jaringan ukhuwwah dalam kalangan umat Islam dan mempromosikan tolak ansur dalam kehidupan beragama, menjana ekonomi setempat dengan aktiviti perniagaan yang mendapat sambutan dalam kalangan penziarah, melestarikan budaya yang telah sebatu dalam masyarakat, dan meningkatkan budaya percutian dan industri perlancongan di Jawa Timur. Perayaan haul ini merupakan bukti bahwa agama dan budaya lokal dapat bersinergi antara satu sama lain dan memberikan manfaat bagi masyarakat.

Namun begitu, terdapat beberapa kesan negatif yang terjadi pada perayaan haul Sunan Ampel yang ke 546, antaranya ialah: pertama, perayaan haul Sunan Ampel biasanya dihadiri oleh ribuan orang, yang dapat menyebabkan kehadiran yang banyak para pengunjung yang berpotensi menimbulkan risiko pada kesihatan, terutama pada masa pada masa pandemik dan pasca pandemik. Selain itu, berlaku kesesakan lalulintas yang tidak terkawal kerana jumlah pengunjung yang padat. Kesesakan lalulintas ini juga menyebabkan pencemaran udara dan memberi kesan tidak baik pada kesihatan penduduk sekitar dan para pengunjung. Selain itu, peningkatan kadar jenayah semasa perayaan haul Sunan Ampel di sekitar kawasan Masjid Ampel juga perlu diberi perhatian kerana ia boleh jejakkan keindahan sambutan perayaan yang sangat bermanfaat kepada pengunjungnya (Informan 1, 2023; Informan 2, 2023; Informan 3, 2023).

KESIMPULAN

Perayaan Haul Sunan Ampel telah memberikan sumbangan besar kepada masyarakat Surabaya, terutamanya dalam mempertingkatkan aktiviti ibadah masyarakat setempat, memperkukuh budaya tempatan, memupuk semangat perpaduan dan meningkatkan integriti dalam kalangan komuniti beragama Islam. Ia juga merangsang aktiviti perlancongan dan merangsang ekonomi tempatan. Walau bagaimanapun, perayaan Haul Sunan Ampel juga menyebabkan beberapa masalah terhadap masyarakat setempat seperti kesesakan lalu lintas, peningkatan jenayah, pencemaran, dan kerosakan alam sekitar. Oleh itu, perlu ada usaha kerjasama dari pelbagai pihak untuk mengurangkan kesan negatif ini dan memaksimumkan manfaat positif perayaan Haul Sunan Ampel bagi penduduk Surabaya.

RUJUKAN

Buku dan Jurnal

- Achmad Syafrizal. (2015). Sejarah Islam Nusantara. *Islamuna*, 2(2), 10-16.
- Agung Sendayu (2018(a)). "The priority of maintaining the reliability of sustainable construction at the Ampel Mosque Surabaya." Diedit oleh P. Hajek, A.L. Han, S. Kristiawan, W.T. Chan, M.b. Ismail, B.S. Gan, R. Sriravindrarajah, dan B.A. Hidayat. MATEC Web of Conferences 195 (22 Agustus 2018): 6008. <https://doi.org/10.1051/mateconf/201819506008>.
- Agus Sunyoto. (2016). *Atlas Wali Songo*. Bandung: Mizan Media Utama.
- Ali Motofo. (1971). *Strategi Kebudayaan*. Jakarta: CSIC.
- Ana Ngationo. (2018). Peranan Raden Patah Dalam Mengembangkan Kerajaan Demak Pada Tahun 1478- 1518. *Kalpataru*, 4(1): 17-28.
- Asep Saefulah. (2013). Masjid Ampel di Amlapura Karangasem: Salah Satu Bukti Keberadaan Islam di Pulau Dewata. *Jurnal Lektur Keagamaan*, 11(2), 339–370. <https://doi.org/10.31291/jlk.v11i2.73>
- Awaludin. (2016). Sejarah Perkembangan Tarikat Nusantara. *El-Afkar*, 5(11), 125-134.
- Badri Yatim. (2011). *Sejarah Peradaban Islam*. Jakarta: Rajawali.
- Dewi Evi Anita. (2014). Walisongo: Mengislamkan Tanah Jawa suatu Kajian Pustaka. *Jurnal Wahana Akademika*. 1(2), 43-54.
- Dimas Okky Fareza & Agus Subianto. (2022). Partisipasi Masyarakat dalam Pelestarian Cagar Budaya di Kawasan Ampel, Surabaya. *Public Sphere Review: Jurnal of Public Administration*, 1(2), 1-7.
- Edy Yusuf Nur. (2017). *Sistem Ekonomi dan Dampak Sosial Sekitar Masjid Sunan Ampel, Surabaya*. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.
- Effendy Zarkasi. (1977). *Unsur Islam Dalam Pewayangan*. Bandung: Al- Ma'arif, Bandung.
- Hatmansyah. (2015). Strategi Dakwah Wali Songo. *Jurnal Al-Hiwar*, 3(5): 10-17.
- Krisna, Bayu Adji. (2011). *Ensiklopedi Raja- Raja Jawa*. Yogyakarta: Araska.
- Leur, J. C. Van. (1955). *Indonesia Trade and Society*. Bandung: W. Van Hoeve Ltd.
- Nur Afidah. (2021). Perkembangan Islam pada Masa Kerajaan Demak. *JASIKA Jurnal Studi Islam dan Kemuhammadiyah*, 1(1): 64-76
- Putrie, Y. E., Martokusumo, W., & Budi, B. S. (2017). Continuity or Discontinuity, Revisiting the Legacy of Wali Sanga Mosques: Case studies of Contemporary Mosques of Nahdliyin in Malang, East Java. *Nakhara: Journal of Environmental Design and Planning*, 13, 13–28.
- Rachmad Abdullah. (2015). *Walisongo*. Solo: Al-Wafi.
- Rahmawati. (2014). Islam Di Asia Tenggara, *Jurnal Rihlah*, 2(1), 101- 114.
- Sedayu, Agung. (2018). Evaluation of Building Maintenance Quality in Ampel Mosque Surabaya. Wawasan: *Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya*. 3, 216-230.
- Silvia Eka Sari, Hudaidah. (2021). Kepemimpinan Raden Fatah Tahun 1478-1518. *ESTORIA Journal of Sciences & Humanities*, 2(1), 191-208.
- Sulthoni. (2016). Nilai-Nilai Ajaran Tasawuf dan Perkembangannya di Nusantara. *Kabilah*, 1(2): 357-378.
- Suryanegara, Ahmad Mansur. (1995). *Menemukan Sejarah Wacana Pergerakan Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan.
-

- Tarwilah. (2016) “Peranan Walisongo Dalam Pengembangan Dakwah Islam”. *Ittihad Jurnal Kopertis Wilayah XI Kalimantan*, 2(6), 134-152.
- Umma Farida. (2015). Islamisasi Di Demak Abad XV M: Kolaborasi Dinamis Ulama-Umara Dalam Dakwah Islam di Demak. *AT-TABSYIR: Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam* 3(2), 299-318.
- Van Den Berg, H.J.. (1959). *Dari Panggung Sejarah, Terjemahan Koreskamp dan I.P. Simanjuntak*. Bandung: W. Van Hoeve Ltd.
- Zuliani Putri & Hudaidah. (2021). Sejarah Kesultanan Demak: Dari Raden Fatah Sampai Arya Penangsang. *Tamaddun: Jurnal Sejarah dan Kebudayaan Islam*, 9(1): 186-196.

Temubual

- Informan 1. (2023). Kesan Perayaan Haul Sunan Ampel Yang Ke 546 dan Kesannya Pada Sosiobudaya Masyarakat Muslim Surabaya. Surabaya: Masjid Sunan Ampel. 12 Mac 2023, 6.00 petang.
- Informan 2. (2023). Kesan Perayaan Haul Sunan Ampel Yang Ke 546 dan Kesannya Pada Sosiobudaya Masyarakat Muslim Surabaya. Surabaya: Masjid Sunan Ampel. 12 Mac 2023, 7.00 malam.
- Informan 3. (2023). Kesan Perayaan Haul Sunan Ampel Yang Ke 546 dan Kesannya Pada Sosiobudaya Masyarakat Muslim Surabaya. Surabaya: Masjid Sunan Ampel. 12 Mac 2023, 6.00 petang.